

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, 25 June, 2020 4:40 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 36 Tahun UUM 'Standing In The Eyes Of The World'



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

25 JUN 2020 / 3 ZULKAEDAH 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: CIG, UUM Corporate Communication

36 TAHUN UUM 'STANDING IN THE EYES OF THE WORLD'



UUM ONLINE: Tiada jalan pintas dan mudah untuk Universiti Utara Malaysia (UUM) berada di kemuncak kejayaan sekarang selepas penubuhannya 36 tahun lalu di Tanah Merah, Jitra sebelum berhijrah ke Sintok.

Tiada siapa yang mengenali UUM dahulu kerana kedudukannya yang jauh dari kawasan bandar dan pernah menjadi kubu komunis dahulu, namun kini nama UUM sudah gah bukan sahaja di peringkat nasional, malah dunia.

UUM telah '*standing in the eyes of the world*' dengan pelbagai pencapaian dan kejayaan terutamanya apabila mula menempatkan diri dalam ranking dunia dan Asia seperti QS World University Rankings, Times Higher Education (THE) Rankings dan dan UI GreenMetric Ranking.

Tahun ini, UUM telah menunjukkan peningkatan dalam QS World University Rankings 2021 dengan berada di kedudukan 531-540 berbanding 591-600 pada tahun sebelumnya, dan buat pertama kali tersenarai dalam Top 100 QS World University Rankings Under 50 dengan kedudukan di 81-90 berbanding 101-150 pada tahun sebelumnya.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, siapa sangka UUM yang hanya memfokuskan kepada bidang pengurusan kini sudah mampu 'duduk sama rendah, berdiri sama tinggi' dengan universiti terkemuka negara dan dunia, meskipun baharu berusia 36 tahun.

Menurutnya, untuk meletakkan UUM sebaris dengan universiti-universiti lama dan tersohor itu bukan mengambil masa sehari atau setahun, sebaliknya memerlukan perancangan jangka masa panjang dan rapi.

"Sebab itu, universiti mewujudkan Pelan Strategik UUM bagi memastikan agenda universiti dapat dilaksanakan mengikut tempoh ditetapkan. Kita merancang, mengatur dan melaksana strategi ini bagi mencapai status universiti terbaik dunia, bukan hanya dikenali di dalam negara semata-mata.

"Saya berterima kasih kepada mantan Naib Canselor yang kini Ketua Pengarah Pengajian Tinggi, Prof. Dato' Seri Mohamed Mustafa Ishak, staf akademik dan pentadbiran yang telah bekerja keras untuk memastikan agenda ranking universiti dapat dijayakan dengan cemerlang sehingga kita berjaya berada di tahap yang sangat membanggakan," katanya yang turut berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Naib Canselor berkata, UUM akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi *output* yang berimpak tinggi khususnya dalam reputasi majikan dan reputasi akademik yang akan membantu UUM melonjak dalam QS World University Rankings.

Menurutnya, pada masa sama, universiti tidak akan pinggirkan aspek lain seperti pengantarabangsaan, penerbitan, penyelidikan, pelajar dan infrastruktur yang terdapat dalam Pelan Strategik UUM.

Katanya, UUM juga akan pastikan setiap kejayaan dan strategi yang dirancang serta dilaksanakan itu tidak akan mengabaikan kesejahteraan masyarakat dan negara.

*Pahit getir hidup...
Dan pengorbanan
Terpaksa dihadapi,
Demi kejayaan
Terdidik sejak mula,
Tabah berusaha
Tanpa cuba melangkah,
Tak kemana
Di mana kau berada
Pencapaian tak tiba dengan mudah
Kini 'Standing In The Eyes Of The World'*



Please consider the environment before printing this e-mail



BACHELOR



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.